

17 laluan persekutuan, negeri masih ditutup

KUANTAN - Sebanyak 17 laluan persekutuan dan negeri di tujuh daerah di Pahang masih ditutup kepada semua kenderaan, semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri, Zainal Yusoff berkata, berdasarkan laporan Jabatan Kerja Raya Pahang, daerah Lipis dan Jerantut merekodkan jumlah laluan paling banyak terjejas.

"Di Lipis, enam laluan ditutup kepada semua kenderaan iaitu KM 241 dan KM 240 di Jalan Lipis-Gua Musang; serta KM 35, KM 24 dan KM 34 Jalan Lipis-Jerantut," katanya.

Beliau berkata, di Jerantut, empat laluan ditutup iaitu Seksyen 1.3 Jalan Padang Piol-Sungai Retang; Sek. 18 Jalan Link Kota Gelanggi; Km 6 Jalan Jerantut-sempadan Kuala Lipis; dan KM 11 Jalan Padang Piol-Sg Retang.

Katanya, dua laluan di Kuantan ditutup kepada semua kenderaan iaitu KM 16 jalan utama Sungai Lembing dan Sek. 21 Jalan Sg Lembing, manakala laluan di Sek. 35 jalan itu hanya ditutup kepada kenderaan ringan.

Di Maran, tiga laluan ditutup iaitu KM 23 Jalan Jerantut-Maran; KM 27 Jalan Jerantut-Maran dan KM 21 Jalan Jerantut-Maran.

Di Temerloh pula melibatkan KM 01 -Kuala Krai, jalan utama Jenderak ditutup kepada semua kenderaan, manakala KM 1 jalan utama Loji Air Batu Sawar ditutup kepada kenderaan ringan.

Di Pekan, laluan di Sek. 0.10 Jalan Kilang Chini 2 ditutup kepada semua kenderaan manakala KM 67 Jalan Rompin-Pekan ditutup selorong, sementara di Raub, sebelah jalan di KM

327 Jalan Raub-Kuala Lipis ditutup kepada semua laluan.

Sementara itu, kerja-kerja menyelenggara dan naik taraf sistem saliran lambat dilaksanakan di kawasan Paya Besar terutama di Panching didakwa antara faktor banjir.

Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Seri Abdul Manan Ismail berkata, sistem perparitan seperti longkang dan parit di kampung serta perumahan seharusnya diselenggara dengan sebaiknya termasuk sungai.

"Saya lihat musim tengkujuh tiba baru kerja itu dilaksana," katanya.

Menurutnya, beliau beberapa kali menyuarakan perkara tersebut di Parlimen.

Katanya, pihaknya kesal kerana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) gagal mengambil langkah awal untuk elak banjir terus berulang.